

22 MAR 2003

Sukan-F1 (Kelayakan)/I

ALONSO MENGEJUTKAN PEMANDU PILIHAN REBUT PETAK PERTAMA

SEPANG, 22 Mac (Bernama) -- Fernando Alonso dari pasukan Renault merebut petak pertama pada perlumbaan Grand Prix Formula One (F1) Petronas Malaysia di sini apabila mengejutkan pemandu lebih berpengalaman di Litar F1 Sepang hari ini.

Pemandu berusia 21 tahun dari Sepanyol itu merampas kedudukan itu buat pertama kali dalam kariernya sebagai pemandu F1 dan sekali gus menghancurkan kedudukan Michael Schumacher sebagai "raja petak pertama" di Sepang. Juara dunia dari Jerman itu adalah satu-satunya pemandu yang telah memenangi kedudukan petak pertama itu dalam empat perlumbaan GP Malaysia sebelum ini.

Alonso, yang keluar ke trek hari ini sebagai pemandu ke-11, selepas menduduki tempat ke-10 pada sesi kelayakan pertama semalam, mencatat satu minit 37.044 saat dalam perlumbaan satu pusingan hari ini, mengikut peraturan baru yang diperkenalkan Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) musim ini.

Bagi Renault, hari ini adalah hari penuh bersejarah kerana buat pertama kali, dua pemandunya akan mengisi barisan depan perlumbaan esok apabila Jarno Trulli menamatkan perlumbaan kelayakan di tempat kedua dengan 1:37.217s, hanya 0.173s dibelakang Alonso.

Schumacher, pemenang dua kali di sini pada tahun 2000 dan 2001, akan memulakan perlumbaan esok di baris kedua bersama pemenang GP Australia David Coulthard dari pasukan McLaren Mercedes. Schumacher menamatkan pusingan hari ini dengan masa 1:37.393s, manakala Coulthard 1:37.454s.

"Ini adalah hari istimewa buat saya. Saya memang menasarkankan tempat yang baik di grid, tetapi menjangka nama saya akan gugur dari senarai di akhir pusingan kelayakan ini. Tetapi ia tidak berlaku dan saya terkejut apabila Michael menamatkan pusingan ini di belakang," kata Alonso, yang kini menjadi pemandu termuda memenangi petak pertama dalam sejarah F1.

Alonso, yang mula berlumba pada usia tujuh tahun, berada pada musim kedua sebagai pemandu F1, bermula dengan memandu untuk Minardi dua tahun lalu. Dia menduduki tempat ke-13 pada GP Malaysia 2001 dan tahun lepas menjadi pemandu ujian untuk Renault.

"Saya masih tidak percaya bahawa hari ini saya memenangi petak pertama, pada perlumbaan kedua saya musim ini. Saya bangga dan yakin kami boleh melakukan sesuatu esok, mata untuk pasukan," tambah beliau.

Rakan sepasukan Schumacher, Rubens Barrichello yang menamatkan perlumbaan hari ini di tempat kelima dengan masa 1:37.579s akan berlumba di baris ketiga bersama Nick Heidfeld dari Sauber Petronas di sebelah kanannya. Heidfeld mencatat masa 1:37.766s.

Seorang lagi pemandu McLaren, Kimi Raikkonen akan berlumba dari baris keempat bersama pemandu Williams-BMW, Juan Pablo Montoya. Raikkonen mencatat masa 1:37.858, manakala Montoya 1:37.974.

Juara bertahan Ralf Schumacher dari Williams-BMW, hanya akan memulakan perlumbaan esok di baris kedua terakhir bersama Jos Verstappen dari Minardi Cosworth.

Pemandu Jerman ini yang menduduki tempat 1-2 dengan rakan sepasukan Montoya tahun lepas, menduduki tempat ke-17 hari ini dengan 1:38.789s.

Abangnya, Michael bagaimanapun tidak kecewa walaupun kedudukannya sebagai "raja petak pertama" di Sepang telah berakhir.

Pemandu ini menduduki tempat keempat di Melbourne dua minggu lalu.

Sementara itu pemilik pasukan Renault, Flavio Briatore begitu bangga

dengan kejayaan Alonso dan Trulli menduduki petak pertama dan kedua esok.

"Fernando dan Jarno begitu hebat. Ia seperti mimpi. Kami mungkin belum bersedia untuk menang lagi, tetapi kami telah melakukannya," kata Briatore.

Alonso menyifatkan pusingannya di perlumbaan kelayakan ini sebagai biasa walaupun mengakui cuaca begitu panas hari ini dan sukar menewaskan masa.

"Pusingan saya biasa. Tidak begitu hebat, tetapi tidak semalang semalam apabila saya melakukan sedikit kesilapan," katanya.

Perlumbaan esok akan berlangsung sebanyak 56 pusingan sejauh 310.408km. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang bercuti akan merasmikan perlumbaan ini.

-- BERNAMA

HRS ZB